

22 AUG 1997

Mahathir-ISA

KERAJAAN TAK AKAN GUNA ISA BAGI TUDUHAN MURTAD

KUALA LUMPUR, 22 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kerajaan tidak akan menggunakan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) terhadap pihak yang memecah-belahkan umat Islam di negara ini dengan tuduhan murtad dan di sebaliknya akan menangani masalah itu dengan cara lembut.

"Kerajaan lebih berminat memberi penerangan kepada mereka betapa tidak berasasnya kepada ajaran Islam tuduhan-tuduhan yang dibuat oleh mereka," katanya semasa sesi dialog persidangan serantau "Menghadapi Abad 21: Reformasi dan Cabaran Umat Islam Serantau" yang diadakan di Institut Kefahaman Islam Malaysia (Ikim) di sini.

Dalam sesi dialog itu beliau disarankan oleh salah seorang peserta persidangan supaya ISA digunakan terhadap mereka yang melemparkan tuduhan murtad pada orang Islam lain termasuk Perdana Menteri sendiri kerana ia boleh memecah-belahkan masyarakat Islam.

"Kita tak berminat menggunakan ISA, sekarang kita guna ISA untuk pengedar dadah sahaja. Al Arqam pun kita pujuk dia dan sekarang sudah betul sedikit," katanya.

"Dalam Islam kita dikehendaki menggunakan tangan, mulut ataupun hati (dalam menangani masalah), kita boleh menggunakan hati iaitu menunjukkan simpati kita akan kurang pengetahuan mereka itu (yang membuat tuduhan murtad)," katanya.

Tuduhan seperti itu selalu timbul kerana salah faham dan kurang pengertian mengenai ajaran Islam, katanya lagi.

Dr Mahathir berkata beliau bersyukur kerana telah mendapat penjelasan daripada mufti yang dilaporkan menuduhnya murtad oleh sebuah akhbar tabloid dan perkara itu tidak pernah berlaku tetapi ia di salah tafsir oleh akhbar itu.

Menurut Islam seseorang itu hanya boleh dikatakan murtad setelah perkara itu ditimbang dengan teliti dan mendapat penjelasan yang mencukupi, katanya.

"Tidaklah adil dalam suatu majlis apabila ditanya 'Apakah pendapat tuan tentang perkara ini?' Kita berkata, 'Orang yang seperti ini adalah murtad,'" katanya.

Perdana Menteri berkata, pembaca khutbah yang menuduh seseorang itu murtad dalam khutbahnya sepatutnya tidak berkhotbah sama sekali.

"Orang yang lantang menuduh orang itu murtad, orang ini murtad, sepatutnya tidak harus berada dalam masjid untuk berkhotbah sedemikian kerana pada hari Jumaat orang Islam berkumpul di masjid bagi merapatkan hubungan mereka bukan untuk dipecah-belahkan," katanya.

Menjawab soalan lain, Perdana Menteri berkata kerajaan tidak pernah berhasrat menukar kuasa mufti kepada kuasa politik tetapi hanya mahukan seseorang mufti membuat kajian dan merujuk kepada alim ulamak dan pakar dalam sesuatu bidang sebelum mengeluarkan fatwa.

Sebagai contoh katanya, tidak memadai jika isu penggunaan teknologi pengklonan dirujuk kepada orang yang hanya berpengetahuan agama kerana mereka mungkin tidak faham betapa pentingnya teknologi itu untuk tanaman dan ternakan.

Mengenai langkah kerajaan melantik beberapa orang wanita dalam Majlis Kebangsaan Agama Islam, Dr Mahathir berkata langkah itu perlu bagi membolehkan majlis itu mendapat pandangan semua pihak termasuk wanita.

"Kalau tidak ada mereka, kita tidak akan tahu masalah orang perempuan,

kita tidak tahu semua," katanya.

Beliau berkata tenaga seluruh umat Islam diperlukan bagi mengembalikan kekuatan umat Islam dan tenaga serta kebolehan tersendiri kaum wanita perlu dimanfaatkan.

"Apakah wanita tidak punya akal fikiran? Mereka dijadikan oleh tuhan sebagai orang yang boleh berfikir dan boleh merasai sesuatu, biasa ditindas dan juga menindas," katanya.

Beliau menegaskan jika kaum wanita diketepikan daripada memainkan peranan mereka yang diperlukan dalam masyarakat, ia akan melemahkan umat Islam.

"Biasanya dalam masyarakat manusia terdapat 50 peratus penduduk wanita, dan 50 peratus lelaki, kalau kita singkirkan 50 peratus kita akan tinggal 50 peratus.

"Di Malaysia ini yang mana orang Islam jumlahnya ialah 60 peratus sahaja, kalau kita singkirkan wanita kita akan jadi 30 peratus dan akan jadi minoriti," dan tanpa wanita umat Islam di dunia akan hanya tinggal 500 juta daripada 1 billion sekarang, katanya.-- BERNAMA

NI PR